

# Kawasan industri terancang, tersusun di Melaka

"Segala usaha ini nanti mampu menjana peluang pekerjaan lebih baik dan ekosistem perbandaran dan industri yang tersusun"

Mohd Salman Hamat

**AYER KEROH** - Lawatan ke Fuzhou High Tech Industrial Zone (FHTIZ) di Fuzhou, China mampu memperkemaskan lagi perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat perindustrian dunia.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, Melaka amat berminat untuk melihat dan mempelajari kepakaran dimiliki pihak berkuasa wilayah itu dalam membina kawasan industri berteknologi tinggi secara terancang serta tersusun.

Ab Rauf yang mengetuai delegasi Kerajaan Negeri dalam rangka lawatan kerja ke China berkata, dalam tempoh lebih 20 tahun pembangunan bersepadu FHTIZ, kawasan industri seluas 190 kilometer persegi itu kini muncul sebagai zon ekonomi baharu.

"Lima komponen utama dalam FHTIZ adalah penggunaan teknologi kejuruteraan dan Kecerdasan Pembuatan (AI), inovasi, kepakaran tenaga kerja serta penggunaan tanah optimum, sekali gus telah memberi kesan pertumbuhan ekonomi terhadap penduduk tempatan.

"Kerajaan Negeri optimis hasil lawatan ini mampu merealisasikan pembinaan secara holistik Zon Industri Berteknologi Tinggi, MCORP High Tech Park dan kawasan tambak laut SM-WEZ (Straits of Melaka Waterfront Economic Zone).

"Segala usaha ini nanti mampu menjana peluang pekerjaan lebih baik dan ekosistem perbandaran dan industri yang tersusun," kata Ketua Menteri menerusi hantaran di Facebook rasmi beliau.

Lawatan itu turut disertai Penasihat Pelaburan

dan dan Hal Ehwal Negara China kepada Ketua Menteri, Datuk Lim Ban Hong; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Melaka (MCORP) Datuk Mohd Yusof Abu Bakar; Pengerusi Eksekutif Leaptec Engineering Sdn Bhd (Leaptec), Tan Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San.

Leaptec juga merupakan anak syarikat kepada LBS Bina Group Berhad (LBS), antara pemain utama dalam pembinaan pembangunan di kawasan tambak laut.

Turut bersama, wakil Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Negeri Melaka, Invest Melaka Berhad, SM-WEZ dan Perbadanan Melaka (MCORP).

Selain itu, Ketua Menteri turut mengadakan lawatan rasmi ke Fujian Yongfu Power Engineering Co. Ltd. yang merupakan syarikat berorientasi inovasi berteknologi tinggi



**AB Rauf bersama delegasi Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke Fuzhou High Tech Industrial Zone (FHTIZ) dan dan Fujian Yongfu Power Engineering di Fuzhou, Fujian, China. Foto Pejabat Ketua Menteri**

khusus dalam menawarkan penyelesaian bersepadu berasaskan teknologi pintar dalam pembekalan tenaga elektrik.

Menurut beliau, lawatan itu bertujuan melihat

kerjasama di antara pihak pengurusan FHTIZ dan Fujian Yongfu Power Engineering dalam memastikan kejayaan pengurusan FHTIZ.

"Pentadbiran saya be-

razam untuk menerapkan konsep pembangunan yang sama bagi Zon Kawasan Industri MCORP High Tech Park dan kawasan tambak laut SM-WEZ kelak," katanya.